



**PEJABAT KETAU PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**TAYANGAN LANGSUNG (LIVE STREAMING) PENDENGARAN KES
SECARA DALAM TALIAN (ONLINE HEARING)**

Dalam situasi pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan 2020 yang telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan, Badan Kehakiman Malaysia telah menjalankan pendengaran kes-kes tertentu secara dalam talian. Bagi melengkapkan dan menyokong pendengaran kes secara dalam talian ini, Badan Kehakiman Malaysia maju selangkah lagi dengan melaksanakan projek perintis iaitu tayangan langsung pendengaran kes secara dalam talian. Ini bagi membolehkan orang awam untuk melihat secara langsung pendengaran kes yang dijalankan seperti di Mahkamah Terbuka dan juga memastikan akses kepada keadilan adalah berterusan.

Badan Kehakiman Malaysia buat pertama kalinya akan mengadakan tayangan langsung pendengaran kes di Mahkamah Rayuan secara dalam talian pada **23 April 2020 jam 10.00 pagi** melalui **Portal Rasmi Badan Kehakiman Malaysia**.

Sehubungan itu, orang ramai boleh menyaksikan tayangan langsung tersebut melalui pautan berikut: www.kehakiman.gov.my

Sekian, terima kasih.

Unit Komunikasi Korporat

Pejabat Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Tarikh: 22 April 2020